




جانبہ اسکاٹام جوہر

JABATAN AGAMA JOHOR,
BAHAGIAN PENDIDIKAN,
TKT. 3 & 4, KOMPLEKS ISLAM FASA III,
JALAN MASJID ABU BAKAR,
KARUNG BERKUNCI 725,
80990 JOHOR BAHRU

Ketua Pen. Pengarah : 07-2282928
Pengurusan Sekolah : 07-2267154
Pentadbiran : 07-2282933
Pembangunan Kemanusiaan : 07-2267873
Pengurusan Akademik : 07-2262723
Naziran : 07-2276250
Fax : 07-2233178

Rujukan Kami : PPAJ 1/1/78 Jld 2 (08)
Tarikh : 18 Januari 2005

01/02



Pegawai Pendidikan Agama Daerah Johor Bahru
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Muar
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Batu Pahat
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Kluang
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Kota Tinggi
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Pontian
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Segamat
Pegawai Pendidikan Agama Daerah Mersing

استاء حاليہ نمبر کی تاریخ 28/01/05
کہہ کر رہا ہے سید محمد عمارت

MOH KAMBALI BIN SHAMSUDIN

Penolong Ketua
Jemaah Nazir Sekolah-Sekolah
Agama Kerajaan Johor.

Pekeliling Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor Bil 4/2005
Hari Kelepasan Peristiwa

24.10.05

Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menetapkan Hari Kelepasan Peristiwa boleh diberi kepada Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Johor tidak melebihi 5 hari dalam mana-mana satu tahun.

2. Hari Kelepasan ini yang diberi kepada sekolah-sekolah bolehlah digunakan untuk mengadakan majlis rasmi sekolah atau jabatan dengan syarat :

- Hari persekolahan telah atau akan mencapai sekurang-kurangnya 190 hari setahun;
- Hari kelepasan ini tidak digunakan untuk maksud memanjangkan cuti penggal persekolahan;
- Guru Besar/ Pengetua terlebih dahulu memohon kepada Pegawai Pendidikan Agama Daerah masing-masing dan telah mendapat persetujuan mengenainya, atau Guru Besar/ Pengetua menerima arahan daripada Pegawai Pendidikan Agama Daerah supaya hari kelepasan peristiwa tersebut diambil.
- Sekiranya pada sesuatu tahun tertentu bilangan hari persekolahan menjadi kurang daripada 190 hari, maka semua permohonan untuk mendapatkan Hari Kelepasan Peristiwa perlu dipanjangkan ke ibu pejabat negeri untuk mendapatkan persetujuan dan Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan boleh mengarahkan sekolah berkenaan menggantikan kekurangan hari persekolahan bagi mencukupkannya menjadi 190 hari dalam setahun.

3. Cuti yang diberi kepada sebahagian pelajar kerana sebahagian pelajar yang lain menghadapi peperiksaan yang diiktiraf oleh Bahagian ini adalah dikira sebagai hari persekolahan bagi sekolah berkenaan dan ianya tidak ditakrifkan sebagai Hari Kelepasan Peristiwa.

4. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan *Surat Pekeliling Bil 2/2002 (Tambahan Dan Plndaan) Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah Murid-murid Sekolah Agama Kerajaan Johor*, No Rujukan PPAJ 2/1/8 Jld 3 (04) iaitu Hari Kelepasan Peristiwa yang diberi ini adalah termasuk apa yang dimaksudkan oleh pekeling tersebut.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(HJ ANOAR BIN SARIMIN)
b.p Pengarah
Jabatan Agama Johor

s.k

Ketua Sektor Sektor Pentadbiran dan Kewangan

Ketua Sektor Sektor Pengurusan Sekolah

Ketua Sektor Sektor Pengurusan Akademik

Ketua Sektor Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan

Ketua Jemaah Nazir

SURAT PEKELILING BIL. 2/2002 (TAMBAHAN DAN PINDAAN)

Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah

Murid-Murid Sekolah Agama Kerajaan Johor

1. Tujuan:

Tujuan pekeliling tambahan dan pindaan ini untuk membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan seperti biasa pada masa pelaksanaan Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah diadakan.

2. Kehadiran Guru-Guru Pada Majlis Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah.

- 2.1 Setiap guru dalam zon tuan rumah di mana perujian tilawah diadakan adalah diwajibkan menepati masa ketika menghadiri Majlis Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah sebagaimana surat arahan PPAD.
- 2.2 Kehadiran guru-guru dalam Majlis Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah adalah sebagai tugas rasmi.
- 2.3 Istilah guru dalam zon bermaksud guru-guru DGA6, DG6, DB2, KAFA, Perintis, SRAB, TAJ dan juga guru-guru yang dilantik oleh Badan Kebajikan sekolah.
- 2.4 Semua Penyelia PPAD dan Guru Besar dalam daerah adalah diwajibkan hadir sebagaimana surat arahan PPAD.
- 2.5 Kelewatan hadir bagi guru-guru lebih daripada lima belas (15) minit setelah bermulanya majlis adalah dikehendaki menulis surat tunjuk sebab.
- 2.6 Gaji akan dipotong satu hari jika tidak hadir dalam majlis tilawah tanpa sebab.
- 2.7 Guru-guru tidak dibenarkan beredar meninggalkan majlis sebelum tamat.
- 2.8 Hanya mereka yang sakit dan dapat mengemukakan cuti sakit yang sah, atau yang telah mendapat kebenaran khas atau cuti khas daripada PPAD adalah dibenarkan tidak menghadiri majlis.

3 Persekolahan Pada Hari Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah.

- 3.1 Sekolah-sekolah yang berada di dalam zon tuan rumah di mana Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah diadakan hendaklah ditutup pada hari tersebut bagi membolehkan guru-guru dalam zon tersebut hadir dan bertugas dalam majlis yang diadakan.
- 3.2 Sekolah-sekolah yang berada di luar zon tuan rumah Majlis Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah hendaklah bersekolah seperti biasa.

- 3.3 Setiap guru di luar zon tuan rumah Majlis Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah bertanggungjawab menjalankan tugas persekolahan seperti biasa melainkan guru yang dilantik sebagai pengiring peserta oleh Guru Besar.
- 3.4 Guru pengiring peserta daripada luar zon tuan rumah bertanggungjawab menghadiri majlis tersebut dengan membawa peserta yang mewakili sekolahnya.
- 3.5 Setiap seorang peserta hendaklah diiringi oleh seorang guru pengiring sahaja kecuali dalam kes sekolah yang kekurangan guru.
- 3.6 Dalam keadaan yang tertentu sekolah yang menghadapi situasi yang kritikal membuka sekolah pada hari perujian dibenarkan cuti dengan persetujuan bertulis dari PPAD.
- 4 **Perlantikan Guru Bertugas Majlis Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah.**
- 4.1 PPAD seboleh-bolehnya hendaklah melantik guru-guru bertugas di kalangan guru-guru zon tuan rumah, di mana Majlis Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah diadakan untuk membolehkan sekolah-sekolah yang bukan dalam zon tuan rumah dapat bersekolah seperti biasa.
- 5 **Giliran Zon Tuan Rumah Majlis Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah.**
- 5.1 PPAD hendaklah menentukan zon tuan rumah menganjurkan Majlis Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah secara bergilir pada tiap-tiap tahun.
- 6 **Penutup.**
- 6.1 Pekeliling tambahan dan pindaan ini hendaklah diterimapakai bagi pelaksanaan Majlis Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat Daerah pada setiap tahun bermula tahun ini.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(HJ. M. TAHRIR BIN DATO' HJ. SAMSUDIN)
b.p. Pengarah,
Jabatan Agama Johor.

Tarikh : 10 Mei 2002.